

**SENARAI SEMAK PENGISIAN BORANG PERMOHONAN MENJALANKAN PERNIAGAAN TUKAR BARANGAN (BARTER TRADE)**

No.	Perkara	Tindakan
1	Berkuatkuasa pada <b>1 Januari 2019</b> , <b>Bayaran Pemprosesan</b> (selaras dengan peruntukan di bawah <b>Fees Enactment 1981</b> ) Permohonan Kebenaran Menjalankan Perniagaan Tukar Barangan (Barter Trade) adalah sebanyak <b>RM1,500.00</b> [Ringgit Malaysia Satu Ribu Lima Ratus sahaja].	
2	Pemohon hendaklah:- i. Membuat pembayaran secara Bank-In, Transfer <b>atau</b> cek kepada <b>JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH AKAUN BANK TERIMAAN (ALLIANCE BANK)</b> di nombor akaun <b>101960010025301</b> . Tujuan pembayaran atas nama <b>BAYARAN PROSES TUKAR BARANGAN</b> . Resit transaksi tersebut hendaklah dibawa bersama kehagian Kewangan & Ekonomi (K&E), Kementerian Kewangan Negeri Sabah. ii. Bahagian (K&E), akan menguruskan proses seterusnya sehingga mendapatkan borang permohonan tersebut.	
3	Pemohon dikehendaki untuk mengisi borang permohonan sebanyak <b>7</b> (tujuh) salinan disertakan gambar pasport <b>7</b> (tujuh) keping untuk dilampirkan di setiap borang.	
4	Pemohon hendaklah memastikan lesen perniagaan di daerah yang dipohon (di Kudat, Tawau dan Sandakan sahaja) masih sah tempoh beroperasi ( <i>valid</i> ). Salinan lesen perlulah disahkan oleh pihak berkuasa yang mengeluarkan lesen di daerah tersebut.	
5	Semua salinan dokumen hendaklah disahkan benar:- i. bagi kad pengenalan – pengesahan hendaklah daripada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ; ii. lain-lain dokumen hendaklah disahkan sekurang-kurangnya oleh pihak berkuasa mengeluarkan atau agensi Kerajaan Malaysia (Persekutuan/Negeri) yang berkaitan.	
6	Pemohon <b>WAJIB</b> melantik ejen kapal yang berdaftar dengan pihak Kastam (Salinan BON ejen yang telah disahkan hendaklah dikemukakan bersama borang permohonan).	
7	Sila pastikan semua kapal-kapal yang disenaraikan memenuhi syarat <b>Non Conventional Ship</b> (NCS) berdasarkan MoU-NCS Asean November 2018 dan telah memasang peralatan AIS (Automatic Identification System) sekurang-kurangnya <i>Type B</i> . Salinan dokumen perkapalan hendaklah disahkan oleh pihak berkuasa berkaitan (cth: Jabatan laut, JPDS /etc)	
8	Senarai barangan yang boleh atau tidak dibenarkan diniagakan untuk aktiviti <i>Barter Trade</i> adalah seperti senarai barangan yang tertera di Jadual 1 dan 2 (dilampirkan) oleh pihak KPDNHEP. Sebarang kekeliruan senarai barangan atau yang berkaitan bolehlah merujuk kepada pihak KPDNHEP.	

**NOTA PEMAKLUMAN:-**

1. Kegagalan untuk mengisi borang secara lengkap berserta dokumen yang tidak disahkan dan telah tamat tempoh serta pemalsuan dokumen akan mengakibatkan permohonan ditolak.
2. Temuduga dan tapisan keselamatan akan diadakan apabila borang telah lengkap diisi bagi menentukan samada layak atau gagal mendapatkan surat kebenaran tersebut.
3. Wang pemprosesan TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN dan adalah MENJADI TANGGUNGJAWAB PEMOHON BAHAWA MEREKA YANG BENAR-BENAR BERMINAT SAHAJA MEMOHON.
4. Kuota yang telah dibenarkan adalah sebanyak 35 untuk daerah Sandakan, 35 daerah Tawau dan 25 daerah Kudat. Ia adalah secara *First come first serve*.
5. Sila pastikan nombor telefon yang diberikan boleh dihubungi dan alamat pejabat wujud secara tetap (premis pejabat) serta boleh dilawati/diperiksa mengikut keperluan oleh pihak berkuasa yang terlibat dalam Barter Trade. Perkara No.1 adalah di nota pemakluman adalah terpakai.

Sila berhubung dengan Bahagian Kewangan & Ekonomi jika terdapat kekeliruan ketika mengisi borang tersebut.

Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan kepada:-

Bahagian Kewangan & Ekonomi,  
Kementerian Kewangan Negeri Sabah,  
Tingkat 5, Blok A,  
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah.  
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat,  
88400 KOTA KINABALU, SABAH.

No.Tel: 088-368033 (Pn.Daphne)/ 368067(Pn.Dg.Lapuan)/ 368152(Pn. Haniza@Helen)/ 368037(Azman)

Tarikh kuatkuasa : 3 Januari 2019